



KEMENTERIAN DALAM NEGERI

KENYATAAN MEDIA

MESYUARAT LEMBAGA PENGAWALAN DAN PELESENAN PENCETAKAN AL-QUR'AN (LPPPQ) KALI KE – 108 / BILANGAN 2.2023

1. Kementerian Dalam Negeri (KDN) melalui Bahagian Penguatkuasaan dan Kawalan (PK) telah mengadakan Mesyuarat Lembaga Pengawalan dan Pelesenan Pencetakan Al-Qur'an (LPPPQ) Kali Ke-108/ Bilangan 2.2023. Kebanyakan ahli Lembaga terdiri daripada Mufti-mufti Negeri yang dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong (YDPA), Sultan atau Raja Negeri masing-masing.
2. Mesyuarat menerima baik keputusan Kerajaan meluluskan Akta Pencetakan Teks Al-Qur'an (Pindaan) 2023 setelah melalui perbahasan di Dewan Rakyat dan Dewan Negara demi memperkasa tadbir urus hal ehwal pencetakan, penjualan, pengimportan, penerbitan dan pengedaran teks / bahan Al-Qur'an serta memartabatkan kesucian ayat Al-Qur'an.

3. Pada mesyuarat tersebut, LPPPQ telah membuat beberapa ketetapan seperti berikut:

 - i. Memperaku dan mengesahkan sejumlah 16 Pruf Akhir teks Al-Qur'an yang Lulus. Ini menjadikan jumlah keseluruhan Al-Qur'an terkini yang dibenarkan untuk dicetak, diterbit, diimport dan diedar di dalam negara sebanyak 932 jenis.
 - ii. Meluluskan pemuliaan (pelupusan) terhadap 2,513 naskhah teks Al-Qur'an dan 10,788 unit bahan Al-Qur'an dari seluruh negara. Pemuliaan ini dilaksanakan terhadap teks/bahan Al-Qur'an yang tiada perakuan KDN, kesilapan pada ayat, rosak, usang dan sebagainya;
 - iii. Melarang pengimportan, penjualan dan pengedaran Al-Qur'an dan terjemahan Al-Qur'an tanpa Teks Bahasa Arab; dan
 - iv. Menetapkan semua terjemahan ayat Al-Qur'an di Malaysia hendaklah berpandukan Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian Al-Qur'an terbitan JAKIM.
 - v. Mewajibkan semua Al-Qur'an import mematuhi prosedur permohonan, semakan dan perakuan sebagaimana di bawah Seksyen 7 APTQ 1986 sebelum dibenarkan dibawa masuk ke Malaysia.
 - vi. Memutuskan pelaksanaan program berimpak "Jom Exchange Al-Qur'an" (JEQ) diteruskan di seluruh negara dalam misi 'Ke Arah Sifar Al-Qur'an Tiada Perakuan KDN'.
 - vii. Memperaku laporan penguatkuasaan di bawah APTQ 1986 sehingga Jun 2023 dengan anggaran nilai rampasan sebanyak RM453,600.00.

4. KDN akan mengambil tindakan tegas ke atas mana-mana pihak yang terlibat dengan aktiviti penjualan ataupun pengedaran Al-Qur'an atau bahan Al-Qur'an yang menyalahi Akta ini. Jika disabitkan kesalahan, pihak atau individu terlibat boleh dihukum sehingga 5 tahun penjara dan denda sehingga RM20,000.00 atau kedua-duanya sekali atas kesalahan yang dilakukan.
5. Pihak KDN menyeru agar orang ramai memberikan kerjasama dengan menyalurkan maklumat berkaitan teks atau bahan Al-Qur'an yang tiada perakuan KDN dengan menghubungi talian 03-8000 8000 atau melalui laman sesawang www.moha.gov.my.

**Nik Yusaimi bin Yussof
Setiausaha Bahagian
Bahagian Penguatkuasaan Dan Kawalan
Kementerian Dalam Negeri**

9 Ogos 2023